



Negeri Sembilan mahu segera tambahan vaksin



S. VEERAPAN

Oleh NOR AINNA HAMZAH 14 Jun 2021, 7:52 pm

SEREMBAN: Negeri Sembilan menggesa kerajaan Persekutuan mempertimbang tambahan vaksin buat negeri ini berikutan kemudahan dalam pemberian vaksin kepada rakyat di negeri ini mampu mencecah kapasiti 14,000 orang sehari.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan, S. Veerapan berkata, buat masa ini, kerajaan negeri belum menerima jawapan positif daripada Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin berhubung jaminan bekalan vaksin berkenaan.

Menurutnya, sebanyak 59 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) dijangka beroperasi di seluruh negeri ini selewat-lewatnya hujung bulan ini.

"Kita memiliki pegawai kerajaan dalam fasiliti kesihatan sedia ada untuk mengendalikan program vaksinasi setiap hari termasuk pada hari Sabtu dan Ahad.

"Kerajaan negeri malah akan membuka sebuah mega PPV dan lokasi yang dicadangkan adalah di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)," katanya dalam kenyataan hari ini.

Veerapan berkata, Badan Bertindak Covid-19 Kebangsaan (CITF) Negeri Sembilan juga telah menghantar surat kepada Kerajaan Persekutuan dan semasa mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi memaklumkan permohonan kerajaan negeri untuk tambahan vaksin dengan kadar segera.

"Kerajaan Persekutuan perlu jawab isu ini dengan segera. Kerajaan Persekutuan kata kerajaan negeri boleh membeli vaksin tetapi kesemua vaksin yang diluluskan perlu melalui mereka.

"Kerajaan Negeri Sembilan juga telah menulis surat kepada pihak Pfizer, Sinovac, Moderna dan Sinopharm untuk tujuan pembelian vaksin, tetapi masih tiada jawapan," katanya.

Tambah beliau, Kerajaan Persekutuan juga perlu mempertimbangkan kelulusan lebih banyak lagi vaksin sekiranya memenuhi syarat dan capaian sasaran 80 peratus imuniti berkelompok di negara ini.

"Vaksin Sputnik digunakan di India dan kes Covid-19 turun secara mendadak. Kerajaan Persekutuan perlu luluskan lebih banyak jenis vaksin sekiranya ingin capai sasaran 80 peratus imuniti berkelompok seperti yang disasarkan," katanya lagi. – UTUSAN ONLINE

BERITA SELANJUTNYA




Pulau Pinang batal hasrat dapat sendiri vaksin,...



Trouble-free skin with special honey mask!



Bunuh, potong dan goreng zakar suami



Inilah Cara Menjana Wang dengan Bitcoin



89,545 individu terima vaksin di PPV IPT



Sudah 'kantoi' seks bebas lapor polis kena rogol



'Tinggalkan saya dan



Markis Kido meninggal



Malaysia terus guna



POPULAR



Pengusaha catering 'bertarung' teruskan kehidupan harian

15 Jun 2021, 9:27 am



Keunggulan tokoh tafsir OKU

15 Jun 2021, 9:25 am



Hotel, resort ibarat dalam ICU

15 Jun 2021, 9:17 am



Covid-19: China guna dron pantau pergerakan penduduk

15 Jun 2021, 9:15 am

Dapatkan
U SKOR A SPM

Setiap Selasa
di dalam **Utusan Malaysia**

mphonline.com
Where the bookstore comes to you..

- Penghantaran Pantas**
- Mudah dan Selesa**
- Pelbagai Pilihan**
- Pembayaran Selamat**

Sila imbas disini dan gunakan kod promo **PAL15** untuk



Lapan lelaki dikompaun RM2,000, sebuah premis RM10,000

Jemaah haji Malaysia yang selalu dirindui

Taktik licik tauke emas

Sepanyol akur gagal jinakkan si keras kepala Sweden

Slovakia menang bergaya, Poland terpaksa gigit jari

Legenda badminton Indonesia Markis Kido meninggal dunia

BERITA BERKAITAN



Pengusaha catering 'bertarung' teruskan kehidupan harian

15 Jun 2021, 9:27 am





Hotel, resort ibarat dalam ICU

15 Jun 2021, 9:17 am



Covid-19: China guna dron pantau pergerakan penduduk

15 Jun 2021, 9:15 am



Buka perniagaan bukan keperluan utama

15 Jun 2021, 9:07 am

Dapatkan
U SKORA SPM

Setiap Selasa
di dalam

**Utusan
Malaysia**



PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami